

Herbalife Nutrition, UiTM kongsi kepakaran pemakanan, sains sukan

Oleh **K Mohana Priya** - April 29, 2022 @ 10:58am

bhnews@bh.com.my



Herbalife Nutrition menandatangani MoU bersama UiTM bagi mewujudkan kerjasama perkongsian pengetahuan berkenaan kepakaran pemakanan. - FOTO IHSAN HERBALIFE NUTRITION

SHAH ALAM: Syarikat pemakanan global terkemuka Herbalife Nutrition menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi mewujudkan kerjasama perkongsian pengetahuan berkenaan kepakaran pemakanan.

Herbalife Nutrition diwakili Pengarah Kanan dan Pengurus Besar Herbalife Nutrition Malaysia dan Singapura, Steven Chin, manakala UiTM diwakili Penolong Naib Canselor (Pengantarabangsaan), Profesor Dr Shahriman Zainal Abidin.

MoU meliputi tempoh tiga tahun dengan pilihan untuk melanjutkannya, bermatlamat untuk berkongsi ilmu dan kepakaran berkaitan pemakanan, sains sukan, serta pembangunan makanan dengan pelajar dan ahli akademik UiTM.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor berkata sebahagian daripada objektif UiTM adalah menyediakan kemudahan pendidikan bertaraf dunia dan pihaknya amat mengalu-alukan kerjasama Herbalife Nutrition untuk berkongsi ilmu mereka.

"Usaha memperkasakan anak muda Malaysia dengan kepakaran ini akan membantu dalam usaha berterusan kami melahirkan atlet negara yang hebat, yang mampu mencatatkan prestasi cemerlang dalam bidang sukan dan akademik," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Steven amat berbesar hati kerana berpeluang berganding bahu sekali lagi dengan sebuah universiti terulung seperti UiTM, selepas kejayaan kerjasama mereka sebelum ini.

"Kejayaan ini mencerminkan komitmen Herbalife Nutrition untuk menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif.

"Menerusi kerjasama ini, Herbalife Nutrition akan menggunakan kepakaran pemakanan sukannya dengan bekerjasama dengan atlet UiTM termasuk pasukan bola sepak profesional untuk memberikan nasihat berkenaan pemakanan sesuai, cadangan diet dan pemakanan bagi kecergasan optimum," katanya.

Beliau berkata, satu siri program pendidikan tentang pemakanan juga akan diadakan menerusi platform bersesuaian sesuai seperti bengkel, forum, persidangan serta kursus singkat, dan untuk siri ini, Herbalife Nutrition akan membawa pakar dari seluruh dunia untuk berkongsi ilmu dan memberikan pandangan mereka.

"Matlamat akhir kerjasama ini untuk membantu mengeratkan hubungan antara pihak berkepentingan lain demi mencapai satu matlamat bersama iaitu melahirkan generasi Malaysia yang lebih sihat dan aktif.

"Usaha ini juga menyokong aspirasi kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menjaga kesihatan menerusi inisiatif seperti Dasar Pemakanan Kebangsaan 2.0 dan Agenda Nasional Malaysia Sihat," katanya.

Steven juga berkata, Herbalife Nutrition pernah berganding bahu dengan UiTM dalam pelbagai inisiatif, termasuk penyertaan dalam Webinar Sukan UiTM yang dianjurkan bersama Institut Sukan Negara bertajuk 'Feeling Your Exercise' ('Mengamati Senaman Anda') yang dihadiri lebih 600 pelajar dan ahli akademik universiti itu.

"Herbalife Nutrition juga menyertai Sidang Kemuncak Sukan, Kesihatan dan Teknologi Baru Muncul Antarabangsa anjuran UiTM, untuk menangani cabaran dalam bidang sains sukan, senaman, kesihatan, kejuruteraan sukan serta teknologi yang disertai lebih 500 penyelidik, ahli akademik serta penggiat industri sukan," katanya.